



Rentas negeri bergantung enam petunjuk



ADHAM BABA

Oleh PETAH WAZZAN ISKANDAR 22 Mac 2021, 5:59 pm

PUTRAJAYA: Kementerian Kesihatan (KKM) sedang meneliti keputusan kebenaran rentas negeri termasuk sempena Hari Raya Aidilfitri ini.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Adham Baba berkata, pihaknya membentangkan kepada kerajaan mengenai kebenaran rentas negeri dan daerah boleh dibenarkan sekiranya enam petunjuk mencatatkan rekod positif.

Menurut beliau, kerajaan dimaklumkan bahawa jika enam petunjuk terbabit dipenuhi maka rentas negeri boleh dipertimbangkan.

"Enam petunjuk itu ialah situasi kes harian, kes discaj, trend kadar harian, kadar kematian, keupayaan katil pihak swasta serta awam dan situasi semasa petugas kesihatan yang dijangkiti.

"Dalam masa sama, kita (KKM) sedang meneliti pandangan pakar kesihatan awam termasuk kebenaran merentas minggu kedua Hari Raya Aidilfitri dan kerajaan akan tentukan bilakah masa sesuai," kata beliau pada sidang akhbar mengenai perkembangan Program Imunasi Covid-19 Kebangsaan bersama Menteri Sains Teknologi dan Inovasi, Khairy Jamaluddin di sini hari ini.

Adham mengulas mengenai cadangan pakar epidemiologi Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Malina Osman bahawa kebenaran rentas negeri perlu ditangguhkan hingga majoriti kumpulan rentan khususnya warga emas diberikan vaksin Covid-19 terlebih dahulu.

Mlina jika dibenarkan rentas negeri, masa paling awal ialah satu atau dua minggu minggu selepas Aidilfitri. – UTUSAN



Pemansuhan larangan
rentas negeri bantu...



Lebih 40% hotel bakal
gulung tikar



Jumlah ingkar SOP naik
lagi kepada 493 individu



Belajar utk melabur &
biarkan wang anda...



Budak nakal 'runtuhkan'
jambatan gantung di La...




Malaysia akan kekal beli
vaksin AstraZeneca



Ejekan punca Perak, JDT



Bekas Ketua Polis Negara



Ribuan pekerja asing mati



POPULAR



Said Hawwa: Mudahkan pemahaman al-Quran

23 Mac 2021, 9:35 am



Potensi tanaman Sacha Inchi

23 Mac 2021, 9:30 am



Sarah Suhairi tak mahu kekal selesa

23 Mac 2021, 9:30 am



Sheryl Shazwanie tak jual kisah cinta

23 Mac 2021, 9:30 am



Ibu dilarang seksi ketika jemput anak

Lupa punca anak mati dalam kereta

Penang E-Mall @ Shopee catat jualan RM583 juta

Baby Shima sedih Kiera dihina netizen

[Ciapan pertama dilelong RM11.9 juta](#)

[Mengata jangan sampai menghina](#)

BERITA BERKAITAN



Sarah Suhairi tak mahu kekal selesa

23 Mac 2021, 9:30 am



Metamorfosis Sarah Suhairi, Sheryl Shazwanie

23 Mac 2021, 9:30 am





Pengguna jalan raya bimbang setiap hari lalu projek maut

23 Mac 2021, 9:26 am



'Saya pimpin PDRM ke jalan betul'

23 Mac 2021, 9:20 am

The Malaysian Reserve
is available at Klang Valley

MPH
BOOKSTORES

7 ELEVEN

myNEWS.com
*Selected Outlets Only

PEMIKIRAN BAHARU
**Utusan
Malaysia**

PREMIUM

LANGGANAN

Hak cipta terpelihara © 2021 Media Mulia Sdn. Bhd.

Terma dan Syarat
Hubungi Kami